



## **JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**

### **KENYATAAN MEDIA (22 JULAI 2020)**

#### **1. LAPORAN HARIAN**

Hari ini **sembilan (9)** kes positif COVID-19 dilaporkan di Daerah Kuching. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak setakat hari ini sebanyak **628** kes.

#### **A. Kes Import Pelawat dari luar negara (2 kes)**

Terdapat **dua (2)** kes yang merupakan import dari luar negara. **Kes pertama** merupakan perempuan warganegara tempatan yang mempunyai sejarah perjalanan ke Korea Selatan. Kes balik ke Sarawak melalui KLIA dari Korea Selatan pada 9 Julai 2020 dan transit di Kuala Lumpur untuk semalam. Kes balik ke Sarawak melalui KIA Kuching pada 10 Julai 2020. Kes tidak menunjukkan tanda dan gejala. Setibanya kes ke KIA Kuching, beliau telah dimasukkan di hotel untuk menjalani kuarantin wajib 14 hari.

Kes telah disaring pada 09 Julai 2020 di KLIA dengan menggunakan RTK Antigen dan didapati negatif. Semasa berada di pusat kuarantin di Kuching, kes telah disaring pada hari Ke-2 iaitu pada 11 Julai 2020 dan didapati negatif. Kes disaring ( rT PCR) buat kali keduanya pada hari ke-10, iaitu

pada 20 Julai 2020 dan telah didapati positif COVID-19 pada 22 Julai 2020. Kes telah dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut. Pengesanan kontak dan siasatan lanjut masih dalam siasatan.

**Kes Kedua** merupakan perempuan warganegara tempatan, seorang pelajar di Kursk Medical University, Russia. Kes telah balik ke Sarawak dari Rusia melalui London, UK ke KLIA pada 6 Julai 2020. Kes balik ke Sarawak melalui KIA, Kuching dan telah dimasukkan ke pusat kuarantin. Kes tidak menunjukkan tanda dan gejala.

Pada 6 Julai 2020, kes telah disaring menggunakan RTK Antigen di KLIA dan didapati negatif. Pada 07 Julai 2020 iaitu pada hari-2, kes telah disaring tetapi keputusan adalah negatif. Kes telah disaring (rT PCR) semula pada hari-10 pada 18 Julai 2020 dan didapati positif COVID-19.

## **B. Kes Saringan Pengesanan Kontak Dalam Kalangan Kluster Aktif**

Terdapat **empat (4)** kes baru melibatkan pengesanan kontak dari kluster aktif telah dikesan.

**Satu (1)** kes merupakan warganegara tempatan yang merupakan ahli keluarga kepada kes Ke-602 iaitu kes indek Kluster Sentosa. Kes telah disaring (rT PCR) pada 20 Julai 2020 dan telah didapati positif COVID-19 pada 21 Julai 2020. Kes ini tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala.

**Tiga (3)** kes merupakan kes saringan kontak yang melibatkan Kluster Pasar Stutong. Mereka telah menjalani saringan pada 20 Julai 2020 dan didapati ujian saringan ujian rT-PCR COVID positif pada 22 Julai 2020. Kesemua mereka adalah wargenegara tempatan.

**C. Pengesanan Kes Melalui Saringan Rawak Guru Yang Balik Bercuti.**

**Satu (1)** kes telah dikesan melalui saringan rawak daripada guru yang balik dari bercuti. Kes merupakan seorang lelaki yang telah menaiki pesawat dari Kota Bahru ke KIA Kuching pada 4 Julai 2020. Ujian saringan kes pada 21 Julai 2020 di Klinik Kesihatan Kerajaan didapati positif COVID-19. Kes juga tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala.

**D. Pengesanan kes yang mempunyai kontak rapat dengan kes positif COVID-19.**

**Satu (1)** kes merupakan wargenegara tempatan telah dikesan melalui pengesanan kontak rapat kepada kes Ke-587 iaitu kontak rapat yang menaiki pesawat yang sama dari KLIA ke KIA Kuching pada 15 Julai 2020. Ujian saringan rT-PCR yang telah dijalankan pada 18 Julai 2020 didapati positif COVID-19. Kes ini juga tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala.

**Satu (1)** kes merupakan kontak rapat kepada kes yang telah dikenal pasti COVID-19 iaitu abang kepada kepada kes Ke-574 (kes *Severe Acute Respiratory Infection-SARI*) yang telah didapati positif COVID-19 pada 5 Julai 2020. Kes tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala.

#### **E. Kluster COVID-19 Yang Diisytiharkan Tamat.**

Pada hari ini **Kluster Tapak Pembinaan telah diisytiharkan tamat** setelah tiada kes baru dikesan dalam tempoh 28 hari yang boleh dikaitkan dengan kluster ini. Kes terakhir melibatkan kluster ini telah dilaporkan pada 24 Jun 2020 iaitu kes yang ke-570. Kes terakhir juga telah discaj dan pulih pada 6 Julai 2020. Setakat hari ini seramai 292 orang telah disaring dan hanya tiga (3) kes atau 1.03% yang telah didapati positif COVID-19. Index kes kepada Kluster Tapak Pembinaan adalah Kes-563 yang dilaporkan pada 18 Jun 2020 iaitu merupakan seorang bukan warganegara dari Indonesia yang telah masuk ke Sarawak pada bulan Mac 2020. Memandangkan pergerakan masuk kes index adalah telah lama sebelum jangkitan dikesan, punca Kluster Tapak Pembinaan berkemungkinan berpunca dari jangkitan tempatan.

#### **F. Kluster COVID-19 yang masih aktif.**

Hari ini terdapat penambahan tiga (3) kes kepada Kluster Pasar Stutong menjadikan jumlah di dalam kluster ini adalah seramai enam (6) orang dan penambahan satu (1) kes kepada Kluster Sentosa menjadikan jumlah di dalam kluster ini adalah seramai tujuh (7) orang. Lain-lain kluster TIADA penambahan kes dikesan atau dilaporkan.

Setakat hari ini, terdapat **tujuh (7)** kluster yang masih aktif iaitu

- a) Kluster Syarikat Kejuruteraan: kekal dua (2) kes
- b) Kluster Mambong: kekal lima (5) kes
- c) Kluster Pusat Perubatan: kekal tiga (3) kes
- d) Kluster Jupiter: kekal tiga (3) kes
- e) Kluster Pasar Stutong: penambahan tiga (3) kes menjadikan jumlah 6 kes
- f) Kluster Jeti Kuching: Kekal dua (2) kes
- g) Kluster Sentosa: penambahan satu (1) kes menjadikan jumlah 7 kes

Dimaklumkan juga **tiada** kes baru yang telah sembuh dan discaj dari hospital hari ini. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah sembuh dan discaj kekal sebanyak **556** orang atau **88.54%**.

Seramai **54 orang** masih menerima rawatan dalam wad isolasi hospital dan jumlah kematian kekal **18 orang atau 2.87%**.

Hari ini sebanyak **21 PUI** baru dilaporkan dan **12 kes** masih menunggu ujian makmal.

## **2. KEPUTUSAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA**

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak memutuskan beberapa perkara berikut:

### **A. Garis Panduan Ujian COVID-19 Dan Kuarantin Bagi Rakyat Sarawak Dan Warganegara Asing Yang Masuk Ke Sarawak**

Merujuk kepada Mesyuarat Khas Menteri-Menteri mengenai pelaksanaan PKP pada 22 Julai 2020, pihak Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak menerima pakai arahan tersebut.

- I. Warganegara Malaysia yang pulang dari luar negara tidak perlu mengambil ujian swab PCR COVID-19 3 hari sebelum kemasukan. Tetapi, mereka diwajibkan untuk menjalani kuarantin wajib selama 14 hari di Stesen Kuarantin yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.
  
- II. Bagi rakyat Sarawak dari luar negara yang telah menjalani tempoh kuarantin di pusat kuarantin yang diperakukan oleh kerajaan di Semenanjung, tidak perlu menjalani kuarantin apabila balik ke Sarawak. Walaubagaimanapun, bagi mereka yang transit, akan di kuarantinkan di Sarawak selama 14 hari di pusat kuarantin yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Garis panduan ini akan berkuatkuasa pada 24 Julai 2020.

### **3. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (10 JUN HINGGA 31 OGOS 2020)**

Hari ini sebanyak **1,981 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (349), Restoran (419), Kilang (21), Bank (166), Pejabat Kerajaan (62), Penjaja (29), Pasar Tani/Awam (88), Tempat Ibadah (82), Tempat Riadah (60), Tapak Pembinaan (28) dan lain-lain (677).

Seramai **751 anggota** pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (396), ATM (46), RELA (152), APM (103), PBT (37), KKM (5), KPDNHEP (3) dan Lain-lain agensi (9).

### **4. LAPORAN TANGKAPAN DAN KOMPAUN**

Pihak PDRM telah membuat **satu (1)** tangkapan warga asing Nigeria di sebuah Kelab Malam di Sekama kerana tidak mematuhi Garis Panduan (SOP). Manakala sebanyak **58** notis kompaun telah dikeluarkan iaitu di Padungan (48), Sungai Merah (4), Sibu (3), Siburan (2) dan Miri (1).

### **5. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG**

Hari ini terdapat **6 sekatan jalan raya** di 5 buah daerah bersempena dengan Op Benteng iaitu di Lundu (2), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1). Daripada 6 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **773** jumlah kenderaan telah diperiksa.

## **6. NASIHAT ORANG AWAM**

JPBN ingin menasihatkan orang ramai agar tidak leka dan terus kekal waspada. Pastikan saranan dan nasihat-nasihat kesihatan diamalkan pada setiap masa. Antara nasihat yang sewajarnya dijadikan satu kebiasaan baharu dalam kehidupan harian dengan mengamalkan **SOP**:

**S**: Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP);

**O**: Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;

**P**: Penjarakan sosial (*social distancing*) diamalkan pada setiap masa iaitu sekurang-kurangnya 1 meter.

**Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives**

**Jaga Sarawak Intu Sarawak**

**SEKRETARIAT**

**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**

**22 JULAI 2020**

**4.00 PETANG**



## MAKLUMAT TAMBAHAN

### 1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Kes Terdahulu	619	Kes sedang dirawat di hospital	54	8.60%
Kes Baharu	9	Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0.00%
Jumlah Individu Disampel	62,114	Kes yang memerlukan bantuan pernafasan ( <i>intubated</i> )	0	0.00%
Kes Positif Keseluruhan	628	Jumlah kes kematian	18	2.87%
IR per 100,000 penduduk	20.36	Kes telah sembuh dan discaj	556	88.54%
Keputusan Makmal (PUI)	Baru	Kumulatif	Baru	Kumulatif
Negatif	6	8,195	21	8,835
Menunggu keputusan	11	12		

Status Semasa	SGH Kuching	Hospital Sibul	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Sungai Buloh	JUMLAH
Kes sedang dirawat di hospital	49	0	4	0	1	54
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0	0	0	0	0
Kes yang memerlukan bantuan pernafasan ( <i>Intubated</i> )	0	0	0	0	0	0
Jumlah kes kematian	16	0	0	2	0	18
Kes telah sembuh dan discaj	Baru	0	0	0	0	0
	Kumulatif	469	33	23	31	0
Jumlah Kumulatif kemasukan semula ke hospital ( <i>Re-tested Positive</i> )	9	8	2	0	0	19

DAERAH KUNING (3)											
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah Kes Aktif	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.		
1	Bau	0	160	0	6	0	5	0	0	1	1
2	Samarahan	0	531	0	103	0	94	0	4	5	5
3	Kuching	15	5,740	9	383	0	329	0	11	43	42
Jumlah		15	6431	9	492	0	428	0	15	49	48

Sumber : **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

<b>DAERAH HIJAU (37)</b>											
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah Kes Aktif	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.		
1	Bintulu	0	270	0	27	0	23	0	0	4	4
2	Sibu	0	104	0	9	0	9	0	0	0	0
3	Simunjan	0	58	0	8	0	8	0	0	0	0
4	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0
5	Serian	0	297	0	21	0	21	0	0	0	0
6	Tebedu	0	6	0	3	0	3	0	0	0	0
7	Lundu	0	240	0	2	0	1	0	0	1	1
8	Limbang	0	29	0	9	0	8	0	1	0	0
9	Miri	6	794	0	23	0	22	0	1	0	0
10	Asajaya	0	40	0	5	0	5	0	0	0	0
11	Sri Aman	0	46	0	3	0	2	0	1	0	0
12	Betong	0	179	0	16	0	16	0	0	0	0
13	Lawas	0	13	0	1	0	1	0	0	0	0
14	Mukah	0	38	0	1	0	1	0	0	0	0
15	Matu	0	5	0	1	0	1	0	0	0	0
16	Sarikei	0	91	0	6	0	6	0	0	0	0
17	Saratok	0	23	0	0	0	0	0	0	0	0
18	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0
19	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Lubok Antu	0	20	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Meradong	0	34	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Tatau	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0
29	Daro	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Kapit	0	29	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Song	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Marudi	0	12	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
37	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>		<b>6</b>	<b>2,404</b>	<b>0</b>	<b>136</b>	<b>0</b>	<b>128</b>	<b>0</b>	<b>3</b>	<b>5</b>	<b>5</b>

<b>Jumlah Besar</b>	<b>21</b>	<b>8,835</b>	<b>9</b>	<b>628</b>	<b>0</b>	<b>556</b>	<b>0</b>	<b>18</b>	<b>54</b>	<b>53</b>
---------------------	-----------	--------------	----------	------------	----------	------------	----------	-----------	-----------	-----------

Sumber : **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

Bil.	Kluster	Kes Baru	Kumulatif Kes	Tarikh Tamat	
1	<b>Kluster Kuching Conference</b>	0	191	22 June, 2020	
2	<b>Kluster Seri Petaling</b>	0	115	10 June, 2020	
2a	Sub-Kluster Kuching dan Samarahan (BDC dan Desa Ilmu)	41	<b>Sub-kluster dan kes kes sporadik dari Kluster Besar Seri Petaling</b>	3 June, 2020	
2b	Sub-Kluster Debak, Betong	10		15 May, 2020	
2c	Sub-Kluster Sibul	4		10 June, 2020	
2d	Sub-Kluster Bintulu	2		12 May, 2020	
2e	Sub-Kluster Limbang	7		26 May, 2020	
2f	Sub-Kluster Kecil Kuching	7		12 May, 2020	
2g	Sub-Kluster Kecil Samarahan	10		3 June, 2020	
2h	Sub-Kluster Kecil Serian	3		3 June, 2020	
2i	<b>Sporadik</b>				
	i) Betong	6		15 May, 2020	
	ii) Samarahan	1		2 May, 2020	
	iii) Serian	1		6 June, 2020	
	iv) Kuching	9		12 May, 2020	
	v) Bintulu	2		18 April, 2020	
	vi) Miri	8		24 May, 2020	
	vii) Mukah	2	13 April, 2020		
	viii) Limbang	2	26 May, 2020		
3	<b>Kluster PUI Itali</b>	0	65	30 May, 2020	
4	<b>Kluster Petugas Kesihatan Kuching</b>	0	68	6 June, 2020	
5	<b>Kluster Kidurong</b>	0	8	19 July, 2020	
6	<b>Kluster Tapak Pembinaan Kuching</b>	0	3	22 July, 2020	
7	<b>Kluster Syarikat Kejuruteraan Kuching</b>	0	2	Active	
8	<b>Kluster Mambong</b>	0	5	Active	
9	<b>Kluster Jupiter</b>	0	3	Active	
10	<b>Kluster Pusat Perubatan Kuching</b>	0	3	Active	
11	<b>Kluster Pasar Stutong</b>	3	6	Active	
12	<b>Kluster Jeti</b>	0	2	Active	
13	<b>Kluster Sentosa</b>	1	7	Active	
14	<b>Kluster-kluster kecil</b>	0	63	-	
15	<b>Sporadik kes</b>	0	51	-	
16	<b>Kes import dari luar negara</b>	2	31	-	
17	<b>Masih dalam siasatan dan kes baru</b>	3	5	-	
<b>Jumlah</b>		<b>9</b>	<b>628</b>		

Bil.	Kluster	Kes Baru	Kumulatif Kes	Tarikh Terakhir Dilaporkan	Status	Tarikh Dijangka Tamat
1	Kluster Syarikat Kejuruteraan Kuching	0	2	12 July, 2020	Active	9 August, 2020
2	Kluster Mambong	0	5	17 July, 2020	Active	14 August, 2020
3	Kluster Jupiter	0	3	16 July, 2020	Active	13 August, 2020
4	Kluster Pusat Perubatan Kuching	0	3	16 July, 2020	Active	18 August, 2020
5	Kluster Pasar Stutong	3	6	22 July, 2020	Active	19 August, 2020
6	Kluster Jeti	0	2	18 July, 2020	Active	15 August, 2020
7	Kluster Sentosa	1	7	22 July, 2020	Active	19 August, 2020

Sumber : **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

## 2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Pada hari ini, seramai **29 Person Under Surveillance (PUS)** telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **9 buah hotel** adalah seramai **504 orang**.

Manakala seramai **19,035 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 22.07.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>HOTEL</b>	<b>BILANGAN PUS</b>
1	Kuching (342)	Harbour View	141
2		Riverside (Astana Wing)	201
3	Miri (53)	Eastwood Valley	29
4		Meritz	24
5	Bintulu (39)	Wasan Inn	23
6		Motel Kapok	16
7	Limbang (14)	Purnama	13
8		Mandarin (Lawas)	1
9	Sibu (56)	Premier	56
<b>Jumlah PUS</b>			<b>504</b>

### 3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)

Pada hari ini, sebanyak **7 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **1,397 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 22.07.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>LOKASI</b>
1	Kuching	440
2	Miri	246
3	Bintulu	110
4	Samarahan	106
5	Sarikei	99
6	Sibu	96
7	Limbang	75
8	Betong	48
9	Serian	47
10	Mukah	45
11	Sri Aman	44
12	Kapit	41
<b>Jumlah</b>		<b>1,397</b>

#### **4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK**

Pada hari ini, sebanyak **41 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 22.07.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>LOKASI</b>
1	MP Padawan	1
2	MD Serian	3
3	MD Bau	6
4	MD Sri Aman	6
5	MP Sibul	10
6	MD Maradong & Julau	1
7	MB Miri	7
8	MD Marudi	5
9	MD Limbang	2
<b>Jumlah</b>		<b>41</b>